

24/04/1999

DPMM sambut baik kajian RM-7

DEWAN Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) menyambut baik pembentangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh (RM-7) (1996-2000) di Parlimen, kelmarin.

Pengarah Eksekutif DPMM, Mustafa Mohamed Najimudin, berkata pihak yakin ekonomi negara mampu mencatat pertumbuhan lima peratus tahun depan, seperti diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Keyakinan DPMM berdasarkan fakta ekonomi negara kian pulih daripada kegawatan yang bermula pertengahan 1997," katanya di Kuala Lumpur, semalam.

Langkah tegas Majlis Tindakan Ekonomi Negara melalui Pelan Pemulihan Ekonomi Negara sejak Julai 1998; jelas membuahkan tanda positif, berbanding langkah awal yang terlalu tunduk kepada syarat peraturan Tabung Mata Wang Antarabangsa, seperti memendekkan tempoh hutang tidak berbayar (NPL) daripada enam bulan ke tiga bulan dan menaikkan kadar faedah ke paras amat membebaskan.

(END)